

02 NOV 1996

Mahathir-tiba

MAHATHIR TIBA UNTUK SIDANG KEMUNCAK G-15

Oleh: Kuah Guan Oo

HARARE, 2 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak kumpulan 15 negara-negara membangun (G-15) mulai esok.

Ketibaan Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali, disambut oleh Presiden Robert Mugabe, ketua negara tuan rumah, Zimbabwe, dan pegawai-pegawai kanan Malaysia.

Dr Mahathir, yang berada di ibu negara Zimbabwe bagi kali kedua dalam beberapa bulan, dijadual berbincang dan membuat keputusan mengenai beberapa isu yang sedang dihadapi oleh kumpulan ini.

G-15 ditubuhkan enam tahun lepas bertujuan bertindak sebagai pemangkin dan menggalakkan kerjasama ekonomi yang lebih lagi antara negara membangun dan juga dengan negara-negara Dunia Ketiga.

Agenda perbincangan sidang tiga hari itu termasuk kedudukan ekonomi antarabangsa terkini dan prospek menggalakkan perdagangan antara negara-negara membangun.

Antaranya ialah menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan; laporan oleh menteri-menteri mengenai aktiviti G-15 termasuk pentadbiran dan kewangan serta peranan dan arah tuju kumpulan itu pada masa depan, termasuk pembesaran keanggotaannya.

Menurut kenyataan sekretariat persidangan itu, perbincangan mengenai kedudukan ekonomi antarabangsa terkini akan ditumpukan kepada isu-isu sebelum persidangan peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Antaranya ialah peluang dan cabaran dalam sistem perdagangan antarabangsa serta tindakan sehalu (kuasa besar) yang memberi kesan buruk kepada negara-negara membangun dan boleh menggugat perdagangan antarabangsa.

Ketua-ketua kerajaan/negara juga dijadualkan pergi ke Victoria Falls Isnin ini di mana isu-isu yang akan dibincangkan termasuk kesan negatif globalisasi kepada ekonomi negara membangun, keganasan antarabangsa dan usaha bersama untuk mencegahnya; dan peningkatan kerjasama Selatan-Selatan serta peranan masa depan G-15 dalam globalisasi dan liberalisasi ekonomi dunia.

Mereka akan kembali ke ibu negara Zimbabwe ini pada hari Selasa untuk penutupan persidangan.

Semalam Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata mereka diberitahu bahawa lima ketua negara/kerajaan dan empat timbalan/naib presiden akan menghadiri sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri India yang baru Deve Gowda dijangka akan mengadakan perbincangan dua hala dengan Dr Mahathir. Tidak diketahui siapa pemimpin lain yang akan turut hadir di sidang kemuncak itu.

Sementara itu, Mugabe membidas WTO sebelum sidang kemuncak itu, dan berkata ia tidak sepatutnya mendesak kepada kesamarataan perdagangan dunia tanpa memberi masa kepada negara-negara membangun memperbaiki ekonomi mereka untuk bersaing dengan negara maju.

Harian Zimbabwe, "The Herald" memetik beliau sebagai berkata adalah tidak adil bagi WTO bercakap mengenai menghentikan sekatan perdagangan ketika negara-negara membangun sudah pun dipinggirkan dalam perdagangan antarabangsa.

Negara-negara membangun anggota WTO, pengganti kepada Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Tarif, bergerak dalam suasana perdagangan global yang tidak sama rata dengan ciri-ciri menyekat kemasukan dalam pasaran.

Mugabe berkata antara isu yang akan dibincangkan pada sidang kemuncak itu esok ialah "kebimbangan kami terhadap desakan WTO untuk mempunyai padang permainan yang sama rata" yang tidak akan berpihak kepada negara-negara miskin

memandangkan kepada paras pembangunan ekonomi.

"WTO tidak boleh mewujudkan padang yang sama rata. WTO perlu pertamanya mengiktiraf bahawa kami perlu mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meningkatkan ekonomi kami ke paras yang sama dengan negara maju," kata beliau.

-- BERNAMA
KGO WAT AHH